



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Pendaftar

Rujukan Kami: 500-BPD(BPPS.23/4/1)

Tarikh : 24 FEB 2020

Encik Muhamad Aliff Bin Abdul Latir
163 Blok 7 (F)
Jelai 1
73480 Gemas
NEGERI SEMBILAN

Tuan

**TAWARAN JAWATAN PENSYARAH UiTM
BIDANG: FISIOTERAPI**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak universiti telah membuat keputusan untuk menawarkan jawatan Pensyarah UiTM kepada tuan dengan syarat-syarat perkhidmatan, skim perkhidmatan dan Jadual Gaji Minimum - Maksimum seperti dilampirkan.

3. Tawaran pelantikan tuan ini adalah tertakluk kepada apa-apa semakan oleh Kerajaan dan Universiti kepada terma dan syarat perkhidmatan dari semasa ke semasa.

4. Tarikh kuat kuasa pelantikan ini adalah pada tarikh tuan mula melapor diri di UiTM. Tuan akan diletakkan di bawah Fakulti Sains Kesihatan dan ditempatkan di Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam. Tawaran ini adalah tertakluk kepada laporan perubatan yang memuaskan seperti terkandung dalam Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan, kelulusan Tapisan Keselamatan Kerajaan Malaysia dan kesahihan maklumat yang terkandung dalam Akuan Sumpah.

5. Dengan sukacitanya pihak universiti ingin mendapat pengesahan sama ada tuan menerima atau menolak tawaran ini dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat dengan menandatangani Surat Akuan Penerimaan Jawatan yang dilampirkan dan mengembalikannya ke Bahagian Pengambilan dan Penempatan Staf, Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam.

6. Sekiranya menerima tawaran ini, tuan diminta:

- i) Mengisi Borang Pemeriksaan Perubatan Lampiran A (Pin. 1/2013) yang dikembalikan. Borang ini berserta surat pengesahan doktor hendaklah diserahkan kepada Pegawai Perubatan yang dicatatkan dalam surat pengenalan berkenaan sahaja. Pihak Universiti akan membiayai segala bayaran yang berkaitan dengan pemeriksaan ini. Walau bagaimanapun, pihak Universiti tidak akan menerima rawatan yang dibuat di klinik-klinik bukan Klinik Panel Universiti Teknologi MARA kecuali Hospital Kerajaan yang berdekatan sahaja;
- ii) Mengisi dan menandatangani Surat Akuan Sumpah yang dikembalikan di hadapan Majistret/Pesuruhjaya Sumpah;
- iii) Mengisi dan menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972;

ada/

.../2

PEJABAT PENDAFTAR

Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Malaysia
Tel: (+603) 5544 2005/2266 Faks: (+603) 5544 3001
E-mail : saadahib@uitm.edu.my
Laman web: <http://pendaftar.uitm.edu.my>



UiTM di hatiku

ENCIK MUHAMAD ALIFF BIN ABDUL LATIR
TAWARAN JAWATAN PENSYARAH UiTM
BIDANG: FISIOTERAPI

- iv) Mengisi dan melengkapkan Borang Biodata Staf serta borang-borang yang disertakan;
- v) Memenuhi Surat Aku Janji (SAJ) serta Borang Perisytiharan Harta dan Liabiliti (BPHL). SAJ dan BPHL ini hendaklah ditandatangani di hadapan Pegawai UiTM semasa melapor diri;
- vi) Mengisi maklumat tapisan keselamatan secara dalam talian di <https://evetting.cgso.gov.my/> dalam tempoh tiga puluh (30) hari mulai tarikh lapor diri. Sila hantar keputusan tapisan keselamatan ini ke Bahagian Pengurusan Perkhidmatan, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia untuk dikemaskini dalam rekod perkhidmatan tuan;
- vii) Sila bawa bersama-sama perkara i) hingga v) yang telah diisi dan dilengkapkan apabila tuan melapor diri di:


Bahagian Pengambilan dan Penempatan Staf
Aras 2 Bangunan Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR

7. Sekiranya pihak universiti tidak menerima apa-apa jawapan daripada tuan selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh surat ini, maka tawaran ini dengan sendirinya terbatal.

8. Jika tuan perlu memberi notis peletakan jawatan dan pelepasan jawatan, tempoh sah laku tawaran adalah enam (6) bulan dari tarikh surat tawaran.

Sekian, dimaklumkan.

Yang benar


HAJAH SA'ADAH IBRAHIM
Pendaftar

- s.k.
- 1. Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
 - 2. Rektor, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam
 - 3. Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pembangunan Organisasi (Waran Agihan 2019 bertarikh 20 September 2019)
 - 4. Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (Rujuk Mesyuarat MSM ke-41 pada 9 Disember 2019)

...disertakan